



# Kolaborasi dan Komunikasi dalam Kelestarian Pembelajaran Sepanjang Hayat

Zurani Buang<sup>1</sup>, Mohamad,M.M<sup>2\*</sup>

<sup>1</sup>Unit Perhubungan Industri Dan Alumni,  
Kolej Komuniti Ledang, 84900 Tangkak, Johor, MALAYSIA

<sup>2</sup>Fakulti Pendidikan Teknikal dan Vokasional  
Universiti Tun Hussein Onn Malaysia, 86400 Parit Raja, Batu Pahat, Johor, MALAYSIA

\*Corresponding Author

DOI: <https://doi.org/10.30880/ojtp.2019.04.02.013>

Received 29<sup>th</sup> January 2019; Accepted 28<sup>th</sup> June 2019; Available online 30<sup>th</sup> September 2019

**Abstract:** Lifelong learning is one of the factor needed to produce high quality of human capital. The purpose of this research is to identify the elements of collaboration and communication in implementation of lifelong learning between Community Colleges, Vocational Colleges and schools. Research objectives are to identify collaboration and communication elements needed in lifelong learning, to determine significant relationship between collaboration and communication. Survey research design was applied with set of questionnaires used as research instrument. Convenient sampling technique used to determine the numbers of respondents and 188 respondents involved in this research based on their role in implementation of lifelong learning programs. The results show high mean level for the elements of collaboration; consultancy, involvement, participation and partnership. The method of communication and communication frequent also in high mean level. There is medium significant relationship with collaboration and communication. As conclusion, the existing elements of collaboration and communication in lifelong learning programs between Community Colleges, Vocational Colleges and schools need various method to make sure the sustainability of programs and increasing the number of participants. Recommendations suggested in this research may help departments related to sustain lifelong learning.

**Keywords:** LLL, lifelong learning, community college, vocational college, schools

**Abstrak:** Pembelajaran sepanjang hayat (PSH) merupakan salah satu keperluan dalam melahirkan modal insan yang berkualiti. Kajian ini bertujuan bagi mengenal pasti elemen kolaborasi dan komunikasi dalam kelestarian PSH melalui hubungan Kolej Komuniti (KK), Kolej Vokasional (KV) dan sekolah. Objektif kajian adalah bagi menentukan elemen kolaborasi dan komunikasi dominan yang diperlukan dalam PSH dan mengkaji hubungan yang signifikan antara kolaborasi dan komunikasi. Rekabentuk kajian secara tinjauan digunakan dengan menggunakan soal selidik sebagai instrument kajian. Kaedah persampelan rawak mudah digunakan bagi menentukan bilangan responden kajian dan seramai 188 orang responden terlibat dalam kajian ini terdiri daripada pensyarah dan guru-guru yang mengurus kursus PSH. Dapatkan kajian menunjukkan elemen kolaborasi iaitu perundingan, penglibatan, penyertaan dan perkongsian memperolehi min yang tinggi. Elemen komunikasi iaitu bentuk komunikasi dan kekerapan komunikasi juga memperolehi min yang tinggi. Dapatkan kajian juga menemui hubungan yang sederhana antara kolaborasi dan komunikasi dalam pelaksanaan kelestarian PSH. Kesimpulannya, kajian mendapati elemen kolaborasi dan komunikasi telah ada dalam pemantapan program kelestarian PSH dalam KK, KV dan sekolah namun begitu kaedahnya perlu dipelbagaikan bagi memastikan kualiti dan peningkatan peserta dalam program ini dapat diteruskan. Beberapa cadangan telah dikemukakan untuk panduan jabatan berkaitan dan berharap agar ia dapat menjadi panduan dalam kelestarian PSH.

**Kata kunci:** PSH, pembelajaran sepanjang hayat, kolej komuniti, kolej vokasional, sekolah

## 1. Pengenalan

Pembelajaran Sepanjang Hayat (PSH) adalah tanggungjawab setiap individu mencari dan mendapatkan pengajaran dan pembelajaran serta bahan pengajaran yang perlu dibeli dan disediakan, Jarvis (2007). Ia merupakan satu penghargaan berkenaan pengetahuan yang praktikal bagi masyarakat yang berusaha untuk mengubah diri mengikut peredaran zaman sebagai keperluan mereka. Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia (2012-2025) telah menetapkan anjakan-anjakan yang diperlukan bagi memastikan pendidikan yang diterima oleh pelajar sentiasa relevan dengan kehendak semasa. Melalui RMK10 (Pendidikan) (2011-2015), negara telah mencapai kemajuan dengan mewujudkan peluang pekerjaan dan mengekalkan guna tenaga penuh dari institusi bagi mentransformasi pasaran buruh negara. Peningkatan kemahiran kerja ini dapat dilaksanakan melalui PSH dan pendidikan yang berkualiti. Elemen kolaborasi dan komunikasi merupakan sebahagian elemen penting dalam memperkasakan program-program PSH. Bagi memperkasakan PSH ini, institusi pendidikan tingga awam (IPTA) yang mengambil tanggungjawab adalah Kolej Komuniti. Sesuai dengan misi penubuhan Kolej Komuniti adalah “membangun komuniti setempat sebagai tenaga kerja berpengetahuan dan terlatih untuk memenuhi tuntutan dunia pekerjaan melalui Pendidikan dan Latihan Teknikal dan Vokasional dan Pembelajaran Sepanjang Hayat” (Garis Panduan Perlaksanaan Program PSH Kolej Komuniti, Edisi 2017).

Menyedari kepentingan pembudayaan PSH dalam kalangan pelajar, KK Segamat dan KK Ledang telah membuat kolaborasi dengan sekolah sekitar daerah Segamat, Tangkak dan KV negeri Johor. Usaha bagi kolaborasi ini sangat bermanfaat kepada semua pihak kerana graduasi yang ditawarkan bekerja di semua koridor ekonomi negara akan mengurangkan kebergantungan negara kepada tenaga asing. Di dalam Pelan Strategik Pengajian Tinggi 2020 telah mencadangkan beberapa fasa untuk memperkasakan KK iaitu outreach (kesedaran dan minat), engagement (kolaborasi KK dan Industri) dan sustainability (penglibatan peserta membina komuniti celik ilmu & kemahiran). Outreach merupakan fasa untuk membangunkan modal insan tanpa mengira umur dan latar belakang peserta melalui PSH di KK. Kajian berkaitan kelestarian PSH telah banyak dilaksanakan di KK (Hussain, Zulkifli & Mat Razali, 2016; Mohd Nor, Muhamad & Jasli, 2017). Maka wajarlah KK mempergiat program outreach ke seluruh negara melalui kerjasama strategik dan kolaborasi dengan komuniti yang berkeperluan. Hubungan kolaborasi yang dibentuk antara KK, KV dan sekolah seharusnya dapat memudahkan komunikasi bagi mencapai tujuan kelestarian PSH ini. Komunikasi yang baik diperlukan untuk mencapai tujuan ini dan ia juga perlu diiringi sikap saling menghormati serta mempercayai antara satu sama lain (A. Ghani & Gary, 2013).

## 2. Latarbelakang kajian

Hubungan kolaborasi yang dibentuk antara KK, KV dan sekolah seharusnya dapat memudahkan komunikasi bagi mencapai tujuan kelestarian PSH ini. Komunikasi yang baik diperlukan untuk mencapai tujuan ini dan ia juga perlu diiringi sikap saling menghormati serta mempercayai antara satu sama lain (A. Ghani & Gary, 2013). Ia penting bagi menggalakkan penyelesaian masalah, meningkatkan ilmu dan kemahiran dan mewujudkan hubungan antara komuniti. Salah satu elemen penting dalam kolaborasi ialah komunikasi bagi memudahkan setiap individu memberikan maklumat kepada komuniti (A. Ghani & Gary, 2013). Oleh itu kemahiran komunikasi boleh mempengaruhi proses komunikasi iaitu maklumat yang disampaikan, dapat diterima oleh penerima dengan baik.

Jadual 1 menunjukkan bilangan penyertaan kursus pendek di KK yang tidak konsisten setiap tahun di mana ia masih belum dapat melestarikan PSH sepenuhnya dalam komuniti setempat. Kajian Kamaruddin & Azizan (2014) mendapati belia sahaja tidak mempunyai masa malah mereka merasakan tidak penting untuk mengikuti kursus PSH di KK. Kajian Kamaruddin & Azizan ini menunjukkan bahawa komuniti menganggap PSH merupakan pendidikan yang kurang menarik minat mereka. Mohd Salleh et. al (2016) menyatakan kepentingan PSH apabila pelajar kurang upaya juga diberikan pendedahan berkaitan PSH. Bagi menyokong permintaan tenaga kerja dan peningkatan kemahiran berterusan, cadangan untuk program PSH yang berkesan dan menarik minat perlu dipertingkatkan.

**Jadual 1 - Bilangan peserta kursus pendek di kolej komuniti**

Kolej Komuniti	Tahun	2013	2014	2015	2016	2017
Kolej Komuniti Ledang	5500	4122	4677	5223	3813	
Kolej Komuniti Segamat	5632	5032	7104	7821	2433	
Kolej Komuniti Segamat 2	3854	5145	4716	5845	-	
Kolej Komuniti Pasir Gudang	3861	6251	4386	3511	5593	
Kolej Komuniti Bandar Penawar	7358	6308	4069	5929	3798	
Kolej Komuniti Pagoh	2213	4062	2368	1697	1697	

Sumber: (ePSH, 2018)

Masalah komunikasi yang dilaksanakan untuk menyampaikan maklumat PSH kurang berkesan walaupun pelbagai medium penyampaian maklumat telah dilaksanakan. Hasil dari kupasan dalam latar belakang masalah mendapati persepsi dan kesedaran masyarakat terhadap PSH masih rendah. Kepentingan PSH perlu diberikan pendedahan melalui institusi seperti KK agar promosi program-program seumpamanya mendapat perhatian dan meningkatkan bilangan peserta kursus dari pelbagai lapisan masyarakat. Kolaborasi dan komunikasi merupakan elemen dalam membantu ke arah peningkatan peserta yang ramai. Kepentingan elemen ini dapat membantu KK dalam melaksanakan program bersama-sama dengan institusi pendidikan setempat seperti KV dan sekolah. Sehubungan dengan ini, pengkaji melihat komunikasi dalam satu hubungan kolaborasi perlu diterapkan memandangkan komunikasi adalah penggerak dalam menentukan keberkesanan kolaborasi antara KK, KV dan sekolah. Komunikasi yang dikaji berfokus kepada komunikasi dalam organisasi, manakala kolaborasi yang dikaji melibatkan perundingan, penglibatan, penyertaan dan perkongsian. Oleh itu, kajian ini dijalankan adalah untuk mengenal pasti medium komunikasi yang efektif bagi menghasilkan kelestarian hubungan kolaborasi dalam PSH.


### 3. Objektif kajian

Kajian ini bertujuan untuk mengkaji elemen yang diperlukan dalam hubungan kolaborasi dan juga elemen komunikasi oleh KK, KV dan sekolah. Seterusnya, kajian ini dijalankan adalah untuk mengenal pasti hubungan antara kolaborasi dengan komunikasi dalam hubungan yang telah dilaksanakan atau tidak. Objektif kajian adalah:

- i. Mengenal pasti elemen dalam hubungan kolaborasi yang dominan diperlukan oleh pensyarah KK, KV dan guru sekolah dalam kelestarian PSH.
- ii. Mengenal pasti elemen komunikasi yang dominan diperlukan oleh pensyarah KK, KV dan guru sekolah dalam kelestarian PSH
- iii. Mengenal pasti hubungan antara elemen kolaborasi dengan elemen komunikasi dalam kelestarian PSH.

### 4. Kerangka konseptual

Berdasarkan Rajah 1 empat aspek elemen kolaborasi dan dua aspek elemen komunikasi. Elemen kolaborasi adalah penglibatan, perundingan, penyertaan dan perkongsian, manakala elemen komunikasi adalah organisasi, mesej dan manusia. Kerangka konseptual PSH ini telah diadaptasi daripada kajian May & Felsinger (2010) manakala komunikasi adalah adaptasi daripada paradigma komunikasi dalam organisasi seperti dalam Rajah 1.



Rajah 1 - Kerangka PSH diadaptasi dari May & Felsinger (2010) dan Goldhaber (1992)

#### 4.1 Kolaborasi

Kolaborasi adalah perkara biasa dalam urusan yang melibatkan aktiviti antara dua pihak. Griffin (2017) menerangkan kolaborasi sebagai pertukaran dan perkongsian "usaha, pengetahuan, dan sumber" untuk mencapai sesuatu yang sebaliknya tidak dapat dilakukan semata-mata, dan pergantungan wujud di mana mereka dalam kolaborasi "mesti mengawal dan menyumbang sumber unik" untuk mencapai matlamat yang dikongsi. Model Lapan Tingkat Penyertaan Pelajar (Bovill & Bulley, 2011) adalah salah satu model kolaborasi yang telah digunakan untuk tujuan pendidikan. Healey, Flint, & Harrington (2014) telah mengadaptasi Model Lapan Tingkat Penyertaan Pelajar dalam reka bentuk kurikulum Bovill & Bulley (2013). May dan Felsinger (2010) menyatakan, berasal dari Model Lapan Tingkat Penyertaan Pelajar empat peringkat ini NUS/HEA telah mencadangkan satu kit penglibatan pelajar yang melibatkan elemen perundingan, penglibatan, penyertaan dan perkongsian dalam aktiviti pelajar seperti dalam Rajah 2. Tumpuan diberikan kepada penglibatan melalui perkongsian, bentuk-bentuk implikasi dan proses penglibatan pelajar mengikut kesesuaian. Walau bagaimanapun perkongsian merupakan pelengkap bagi proses penglibatan pelajar.



Rajah 2 - Peringkat penglibatan pelajar adaptasi dari May dan Felsinger


- Perundingan menurut Guntur (2010) merupakan proses yang akan menghasilkan kesepakatan atau perjanjian antara dua pihak yang bermasalah. Dalam perundingan ia memerlukan strategi untuk menentukan sitausi menang-menang. Perundingan juga dilihat sebagai satu seni dan keterampilan dalam mengolah perkataan, menyokong data dan maklumat sehingga boleh menghasilkan perjanjian yang baik dan diterima oleh pihak yang terlibat.
- Penglibatan adalah sebagai satu konsep. Dalam pengajaran dan pembelajaran ia boleh dibahagikan kepada dua bidang utama: (i) penglibatan pelajar sebagai cara pelajar melabur masa dan tenaga dalam pembelajaran mereka sendiri, dan (ii) cara-cara pelajar terlibat dan diberi kuasa oleh institusi kepada bentuk pengalaman pembelajaran mereka. Montessinos, Cassidy & Millard (2013) juga menyifatkan kerjasama, meneroka dan menentukan sesuatu pembelajaran dan pengajaran perlu diterapkan dalam amalan dan dasar institusi bagi membezakan antara perkongsian dengan proses penglibatan pelajar lain.
- Penyertaan adalah perkongsian, dalam konteks bimbingan pelajar untuk perjanjian perkongsian. Roth & Lee (2006); Montesinos, Cassidy & Millard (2013) menyatakan bahawa penyertaan pembelajaran dalam komuniti boleh membawa kepada peningkatan hasil pembelajaran yang lebih tinggi seperti pemikiran kritis,

penyelesaian masalah yang kompleks, komunikasi yang mungkin berkaitan dengan melaksanakan tugas-tugas masyarakat dan membawa kepada pekerjaan pelajar yang lebih besar.

- d) Perkongsian merupakan hubungan yang sama antara dua atau lebih anggota pasukan ke arah matlamat yang sama, menghormati kemahiran yang berbeza, pengetahuan, pengalaman dan keupayaan setiap ahli yang membawa isu ke meja perbincangan. Keputusan yang akan diambil adalah untuk kepentingan kerjasama pelbagai peringkat. Menurut Williamson (2013) perkongsian adalah satu hubungan kerja yang berkesan antara institusi dengan pelajar untuk mencapai kesempurnaan kualiti pendidikan.

## 4.2 Komunikasi

Komunikasi merupakan satu proses menghantar dan menerima mesej atau proses manusia berkongsi pendapat, maklumat dan juga perasaan. Mohd Yusof, Abd Azis & Mansor (2014), menyatakan bahawa komunikasi bermaksud berkongsi sesuatu, apabila kita berkomunikasi bermakna kita sedang berkongsi maklumat dan idea dengan individu lain yang kita berkomunikasi dengannya. Menurut Gode (1959) dalam Mohd Yusof, Abd Azis & Mansor (2014), tujuan utama komunikasi dilaksanakan adalah untuk mewujudkan persamaan antara pemberi dan penerima maklumat. Paradigma Komunikasi Dalam Organisasi bahawa komunikasi organisasi berlaku dalam persekitaran yang terbuka, kompleks dan komunikasi mempengaruhi dan dipengaruhi oleh persekitaran. Rajah 3 menunjukkan rangkuman komunikasi dalam persekitaran organisasi, manusia dan mesej yang disampaikan melalui komunikasi. Komunikasi berlaku antara organisasi yang juga berada dalam cara sistem pengurusan yang berbeza. Situasi ini akan saling mempengaruhi komunikasi antara organisasi. Hubungan kakitangan dalam organisasi dan pertukaran mesej akan kerap terjadi untuk menyalurkan maklumat kepada kakitangan dalam organisasi (Abdullah, 1998). Aspek manusia yang merujuk kepada kakitangan organisasi adalah sangat penting kerana ia akan melibatkan penyampaian dan pertukaran maklumat kepada individu dengan individu, individu dengan kumpulan dan kumpulan dengan kumpulan. Bagi aspek organisasi pula, setiap kakitangan yang berada dalam organisasi perlu berhubung antara satu sama lain untuk mencapai misi organisasi (Tugimin, Saadan & Husain, 2011). Proses ini akan berlaku setiap kali kursus pendek atau program bersama dilaksanakan.



Rajah 3 - Paradigma komunikasi dalam organisasi (Goldhaber (1992))

## 5. Metodologi Kajian

Rekabentuk kajian secara tinjauan digunakan dalam kajian ini dengan pendekatan kuantitatif. Instrumen kajian yang digunakan adalah soal selidik dibangunkan oleh pengkaji berdasarkan adaptasi dari pengkaji terdahulu dan literatur. Kajian melibatkan dua buah Kolej Komuniti, lima buah Kolej Vokasional dan 27 buah Sekolah Menengah Kebangsaan (SMK). Populasi kajian adalah terdiri daripada pensyarah KK, KV dan guru sekolah yang terlibat dengan pelaksanaan hubungan kolaborasi. Kaedah persemplean rawak mudah digunakan kerana ahli sampel mudah dicapai dan memastikan setiap ahli populasi mempunyai peluang sama untuk dipilih menjadi responden kajian (Idris, 2010). Seramai 310 orang sampel telah terlibat dalam perlaksanaan kajian ini iaitu 20 orang dari Kolej Komuniti, 124 orang dari Kolej Vokasional dan 166 orang dari sekolah. Cara persampelan rawak mudah dilakukan untuk memilih responden adalah seperti berikut: Pertama, pengkaji telah mengambil maklumat mereka yang terlibat secara langsung dengan pengurusan kolaborasi terlebih dahulu daripada KK, KV dan sekolah. Kedua, pengkaji telah menyediakan sebanyak 310 set soal selidik dan menomborkannya dari nombor 1 hingga 310 untuk diedar kepada responden. Ketiga, penyelidik telah mengedarkan semua soal selidik kepada responden melalui wakil setiap lokasi. Keempat, penyelidik memasukkan data mentah dari soal selidik yang telah dikembalikan ke dalam SPSS. Hanya sebanyak 205 set soal selidik yang dikembalikan kepada penyelidik. Kelima, penyelidik telah membuat proses pembersihan data dalam SPSS dengan cara membuang data jawapan yang tidak lengkap. Sebanyak 188 set data yang lengkap untuk digunakan sebagai data responden kajian.

Penyelidik telah mengumpul data untuk kajian ini dengan membangunkan soal selidik bagi bahagian B iaitu elemen kolaborasi. Manakala bagi bahagian A dan bahagian C iaitu masing-masing bahagian demografi dan elemen komunikasi mengadaptasi soal selidik dari pengkaji terdahulu bagi terlebih dahulu iaitu Ahmad Jawahir Tugimin, Rosli Saadan dan Kalthom Husain bertajuk "Kesan Komunikasi Dalam Organisasi Ke Atas Kepuasan Kerja Staf Sokongan Di Universiti Teknikal Malaysia Melaka (UTEM)" (2011). Proses kesahan instrumen dilakukan melalui aspek Bahasa, struktur ayat,

kesesuaian item selari dengan pembolehubah kajian. Kebolehpercayaan juga dinilai dengan memperolehi nilai nilai  $\alpha$  adalah lebih dari 0.6. Analisis data menggunakan min dan sisihan piawai serta korelasi pearson bagi mengkaji hubungan.

## 6. Dapatkan dan Perbincangan

### 6.1 Elemen dalam hubungan kolaborasi yang dominan diperlukan oleh pensyarah KK, KV dan guru sekolah dalam pelaksanaan PSH

Terdapat empat elemen kolaborasi iaitu elemen perundingan, penglibatan, penyertaan dan perkongsian. Empat elemen ini telah dianalisis mengikut institusi iaitu KK, KV dan sekolah seperti dalam Jadual 2 di bawah. Hasil dapatan menunjukkan bahawa elemen kolaborasi perundingan adalah elemen yang paling dominan berbanding elemen-elemen yang lain (penglibatan, penyertaan dan perkongsian).

**Jadual 2 - Min dan sisihan piawai bagi elemen kolaborasi**

	Kolej Komuniti		Kolej Vokasional		Sekolah	
<b>Elemen Kolaborasi</b>	Mi n	Sisihan Piawai	Mi n	Sisihan Piawai	Min	Sisihan Piawai
<b>Perundingan</b>	4.2	.547	4.4	.451	4.4	.441
<b>Penglibatan</b>	4.2	.462	4.2	.391	4.2	.436
<b>Penyertaan</b>	4.1	.496	4.2	.382	4.2	.454
<b>Perkongsian</b>	4.2	.578	4.2	.353	4.3	.479
<b>Purata</b>	4.2	.520	4.2	.394	4.3	.452
<b>Keseluruhan</b>						

Hasil kajian secara keseluruhan mendapati nilai min adalah tinggi. Antara elemen-elemen dalam kolaborasi, elemen perundingan merupakan elemen yang lebih dominan berbanding elemen perkongsian, penglibatan dan penyertaan. Elemen perundingan dalam satu kolaborasi perlu dilaksanakan bagi mengatasi masalah komunikasi dan ia merupakan faktor bagi penglibatan peserta dalam aktiviti yang dirancang. Melalui proses perundingan ini maklumat terkini dapat disalurkan kepada ahli rundingan. Manakala aspek perkongsian dalam kajian ini memperolehi nilai min yang tinggi iaitu 4.26. Ini menyokong polisi *IBM-ETH Zurich* yang digariskan dalam *Making Industry-University Partnership Work Lessons From Successful Collaboration* (2012) yang menyatakan bahawa perkongsian merupakan perkara yang perlu diberi tumpuan bagi memastikan hubungan kolaborasi berjaya dalam jangkamasa panjang. Healey, Flint, & Harrington, (2014) juga menyatakan bahawa perkongsian dan pembelajaran tidak dapat dipisahkan. Ini menunjukkan perkongsian adalah penting dalam proses pembelajaran samada perkongsian secara aktif atau pasif. Dalam aspek perkongsian dalam kolaborasi, Williamson (2013) mendapati perkongsian matlamat, nilai dan komunikasi yang tetap di antara rakan kongsi adalah penting. Dapatkan kajian ini menyokong kajian Williamson di mana min kepada elemen komunikasi pada tahap tertinggi bagi item soalan B28 iaitu pelaksanaan tugas antara kolej dan sekolah yang terlibat dalam hubungan kerjasama. Aspek penglibatan dan penyertaan yang juga mencatat min yang tinggi, menunjukkan ia merupakan aspek yang diperlukan dalam hubungan kolaborasi. Penglibatan dan penyertaan peserta kursus dalam hubungan kolaborasi ini menunjukkan dalam usaha kelestarian PSH, komuniti perlu diberi peluang untuk melibatkan diri dan ini bertepatan dengan kajian oleh Scheyvens (1999) dalam Kayat & Mohd Nor (2006). Hasil kajian ini juga selari dengan kajian yang tekah dijalankan oleh Abdul Latif, Mohd Rahim, Mohd Amin & Cral (2016) yang menyatakan bahawa terdapat hubungan yang signifikan antara penglibatan peserta dengan aktiviti yang melibatkan komuniti.

### 6.2 Mengenal pasti elemen komunikasi yang dominan diperlukan oleh pensyarah KK, KV dan guru sekolah dalam kelestarian PSH

Elemen komunikasi dalam pelaksanaan kelestarian PSH telah diterjemahkan kepada dua aspek iaitu bentuk komunikasi dan kekerapan komunikasi. Jadual 3 menunjukkan KV mencatatkan min tertinggi bagi elemen komunikasi dengan nilai min sebanyak 3.96, manakala KK dan sekolah mencatatkan nilai min sebanyak 3.73.

**Jadual 3 - Elemen komunikasi di KK, KV dan sekolah**

	KK		KV		Sekol	
<b>Elemen Komunikasi</b>	Min	Sisihan	Min	Sisihan	Min	Sisihan
<b>Bentuk Komunikasi</b>	3.7	.467	3.95	.596	3.72	.628
<b>Kekerapan Komunikasi</b>	3.7	.376	3.96	.567	3.73	.672
<b>Purata Keseluruhan Min</b>	3.7	.421	3.96	.581	3.73	0.65
<b>Sisihan Piawai</b>						

Komunikasi yang diperlukan antara KK, KV dan sekolah merupakan komunikasi organisasi. Komunikasi ini boleh berbentuk formal dan juga tidak formal yang terjadi dalam satu jaringan yang besar. Komunikasi formal dalam organisasi merupakan satu sistem komunikasi antara personal bergantung kepada hirarki jawatan dan prinsip pembahagian tugas bagi mencapai objektif organisasi. Manakala komunikasi tidak formal terjadi secara spontan kerana adanya persamaan perasaan, keperluan, persamaan tugas dan tanggungjawab. Komunikasi tidak formal tidak terikat dengan waktu, ruang dan tempat. Komunikasi tidak formal ini kadang-kadang lebih menampakkan hasil kerana maklumat dapat disalurkan pada bila-bila masa dan memberi bermanfaat kepada organisasi (Suprapto, 2009). Dalam elemen bentuk komunikasi dan kekerapan komunikasi, KV mencatatkan min yang tertinggi berbanding KK dan sekolah. Ini kerana pensyarah KV yang terdiri daripada graduan universiti telah dide dahkan dengan kemahiran komunikasi semasa di universiti bagi membolehkan mereka menjadi tenaga pendidik yang kreatif, inovatif serta optimis dalam menghadapi sebarang situasi semasa berkomunikasi. Melalui elemen komunikasi ini, perbincangan, perkongsian, penglibatan dan penyertaan peserta dalam aktiviti PSH dapat dizahirkan bagi meningkatkan kualiti pendidikan di organisasi masing-masing. Penggunaan media sosial dan komunikasi secara tidak formal tidak dapat dinafikan kepentingannya dalam kelestarian PSH. Malah dengan pendekatan pengajaran dan pembelajaran dalam era Industri 4.0, penyampaian maklumat banyak disampaikan melalui komunikasi tidak formal seperti *Facebook* yang lebih cepat dan dekat dengan peserta. Ia juga seiring dengan minat dan kecenderungan peserta kursus dan dapat memberi kesan yang positif kepada organisasi.

### **6.3 Mengenal pasti hubungan antara elemen kolaborasi dengan elemen komunikasi dalam kelestarian PSH**

Kaedah analisis yang sesuai untuk menjawab persoalan kajian kelima ini adalah dengan menggunakan analisis *Korelasi Pearson*. Penyelidik telah melakukan analisis menggunakan kaedah *Korelasi Pearson*. Menurut Chua (2006), kekuatan sesuatu korelasi diwakili oleh pekali korelasi dalam ujian korelasi. Pekali korelasi adalah nilai pengukuran kekuatan perhubungan antara dua pembolehubah. Pekali korelasi (*r*) telah digunakan untuk menerangkan kekuatan hubungan dan juga arah hubungan yang wujud antara pembolehubah yang dikaji. Hubungan yang signifikan wujud apabila nilai  $r < 0.05$ , manakala hubungan yang tidak signifikan wujud apabila nilai  $r > 0.05$ . Jadual 4 menunjukkan dapatan daripada analisis yang dijalankan menggunakan kaedah *Korelasi Pearson*. Didapati nilai koefisien korelasi, *r* adalah .476 yang menunjukkan terdapat hubungan signifikan yang sederhana antara elemen kolaborasi dengan elemen komunikasi dalam kelestarian penyertaan PSH.

**Jadual 4 - Korelasi antara elemen kolaborasi dan elemen komunikasi dalam kelestarian penyertaan PSH**

		<b>Korelasi</b>	
		<b>Elemen</b>	
		<i>r</i>	.476**
<b>Elemen Kolaborasi</b>		<i>p</i>	.000
		N	188

Jadual 5 menunjukkan dapatan daripada analisis yang dijalankan menggunakan kaedah *Korelasi Pearson* antara elemen-elemen dalam kolaborasi (perundingan, penglibatan, penyertaan dan perkongsian) dan elemen-elemen dalam komunikasi (bentuk komunikasi dan kekerapan komunikasi). Didapati nilai koefisien korelasi, *r* menunjukkan terdapat hubungan yang signifikan tetapi sederhana antara elemen-elemen dalam kolaborasi dengan elemen-elemen dalam komunikasi ke arah kelestarian penyertaan PSH.

**Jadual 5 - Korelasi antara aspek elemen kolaborasi dan aspek elemen komunikasi dalam kelestarian penyertaan PSH**

<b>Bentuk</b>	<b>Komunikasi</b>	<b>Korelasi</b>			
		<b>Perundinga</b>	<b>Penglibata</b>	<b>Penyertaan</b>	<b>Perkongsian</b>
		<i>r</i>	.466**	.433**	.422**
<b>Bentuk</b>	<i>p</i>				.397**
<b>Komunikasi</b>	N		188	188	188
<b>Kekerapan</b>	<i>r</i>		.340**	.383**	.340**
<b>Komunikasi</b>	<i>p</i>		.000	.000	.000
<b>Kekerapan</b>	N		188	188	188

Melalui hubungan kolaborasi yang telah dilaksanakan di KK, kelestarian penyertaan bagi PSH telah dapat dibuktikan dengan penambahan bilangan peserta dari kalangan pelajar sekolah berumur 15 tahun ke atas (Laporan ePSH 2017). Pihak KK dengan KV dan sekolah dapat menjayakan hubungan kolaborasi juga disertai dengan komunikasi antara kedua belah pihak untuk melaksanakan perbincangan dan penyampaian maklumat aktiviti. Menurut Martin, Jorg dan Danial (2002), kolaborasi telah terbukti menjadi kaedah yang berjaya dalam senario PSH dan mesti diteruskan untuk beberapa tujuan seperti pengurusan infrastuktur, penambahbaikan kurikulum dan bantuan dari industri atau organisasi.

## 7. Kesimpulan

Maklumat-maklumat bagi menjawab semua objektif dan persoalan kajian telah berjaya diperolehi. Hasil kajian mendapatkan aspek perundingan bagi elemen kolaborasi lebih dominan diikuti oleh aspek perkongsian, penglibatan dan penyertaan. Walaupun perundingan merupakan aspek yang paling dominan, ketiga-tiga aspek perkongsian penglibatan dan penyertaan memperolehi min pada tahap yang tinggi. Ini menunjukkan kesemua aspek elemen kolaborasi adalah penting dalam menguruskan aktiviti kursus pendek. Manakala kedua-dua aspek bentuk komunikasi dan kekerapan komunikasi adalah sama-sama dominan dalam elemen komunikasi. Penyelidik berpendapat, perundingan yang terperinci dengan maklumat yang tepat dapat memudahkan pensyarah merancang aktiviti kursus pendek bagi memperkasa PSH. Hasil dari kajian ini juga mendapati elemen kolaborasi dan komunikasi mempunyai hubungan signifikan positif yang sederhana. Dari hasil kajian ini penyelidik berpendapat, hubungan kolaborasi dan komunikasi sangat perlu dilaksanakan dalam organisasi sekiranya melibatkan urusan dengan hubungan kemanusiaan. Ini kerana dalam perkara-perkara yang melibatkan perkongsian, penyertaan dan penglibatan ia tidak akan berjaya hanya melakukan hubungan rasmi tetapi tidak disertai dengan komunikasi antara kedua-dua belah pihak. Perasaan rasa dihargai, dihormati dan diperlukan antara sesama manusia sangat penting untuk memenangi hati seseorang. Oleh itu, jika dilihat dari hasil kajian ini elemen komunikasi dari kedua aspek bentuk komunikasi dan kekerapan komunikasi dalam bentuk yang tidak formal memperolehi min yang tinggi.

Komunikasi sangat penting dalam menjayakan pelaksanaan PSH. Angelaki (2013) menyarankan pengajar untuk mengamalkan komunikasi yang melibatkan kejelasan bahasa, maklum balas yang tepat pada masanya dan segera, kerjasama di kalangan pelajar dan komuniti, teknik pedagogi, dan motivasi. Antara yang boleh dilakukan bagi meningkatkan komunikasi di KK, KV dan sekolah adalah pihak pengurusan perlu mengenalpasti tatacara yang bersesuaian untuk berkomunikasi dengan pelbagai pihak bukan sahaja dengan organisasi kerajaan tetapi juga dengan pihak swasta, badan bukan kerajaan dan orang awam yang mempunyai tahap pendidikan yang berbeza. Pihak pengurusan juga boleh mengadakan kursus-kursus komunikasi dan bahasa yang lebih berkesan kepada semua kakitangan kolej dan sekolah. Hasil kajian ini juga diharap dapat memperbaiki lagi elemen komunikasi lisan dan komunikasi bertulis dalam kalangan warga pendidik semasa proses kolaborasi dilaksanakan.

## Penghargaan

Penulis ingin merakamkan ribuan terima kasih kepada semua pihak yang terlibat secara langsung atau tidak langsung dalam usaha menjayakan kajian ini.

## References

- A. Ghani, M. F., & Gary, M. C. (2013) Amalan Komuniti Pembelajaran Profesional: Perspektif Pemimpin Sekolah Cemerlang Negara Maju. *Juku: Jurnal Kurikulum & Pengajaran Asia Pasifik - Julai 2013*, Bil. 1 Isu 3.
- Abdul Latif, A., Mohd Rahim, M. S., Mohd Amin, N. F., & Crystal, J. P. (2016). Kesedaran Sosial Dan Penglibatan Mahasiswa. *Jurnal Pemikir Pendidikan* (2016) 7, 89-100.
- Abdullah, M. M. (1998). *Komunikasi Dalam Pengurusan*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa Dan Pustaka.
- Bovill, C., & Bulley, C. J. (2011). *A model of active student participation in curriculum design: exploring desirability and possibility*. Oxford Brookes University: Oxford Centre for Staff and Learning Development, Oxford.ms. 176-188. ISBN 9781873576809. Diakses dari <http://eprints.gla.ac.uk/57709/1/57709.pdf>
- Chua, Y. (2006). *Kaedah Penyelidikan*. Selangor: McGraw-Hill ( Malaysia) Sdn Bhd.
- ePSH.(2018). *Laporan PSH*. Diakses dari ePSH Kolej Komuniti: [http://online.jpkk.edu.my/epsh/v8/admin\\_main\\_dash8.asp](http://online.jpkk.edu.my/epsh/v8/admin_main_dash8.asp)
- Garis Panduan Perlaksanaan Program PSH Kolej Komuniti. (Edisi 2017). Putrajaya: Jabatan Pengajian Kolej Komuniti.
- Goldhaber, G. M. (1992). *Komunikasi Dalam Organisasi*, Trans. Dubuque, Iowa, Amerika Syarikat: Wm.C. Brown Company Publishers (1983).
- Griffin, P. (2017). *Assessing and Teaching 21st Century Skills: Collaborative Problem Solving as a Case Study*. In A. Davier, A. Zhu, P.C. Kyllonen, Innovative assessment of collaboration. Cham, Switzerland: Springer. <http://dx.doi.org/10.2680>.

- Guntur, A. (2010). *Strategi Negosiasi (Strategic Negotiation)*. Sumber Daya Manusa Program Magister Management Semester I – 2010.
- Healey, M., Flint, A., & Harrington, K. (2014). *Engagement through partnership: students as partners in learning and teaching in higher education (July 2014)*. [www.heacademy.ac.uk/students-as-partners](http://www.heacademy.ac.uk/students-as-partners)
- Hussain, R., Zulkifli, A. K., & Mat Razali, R. (2016). Memperkasa Komuniti Melalui Pembelajaran Sepanjang Hayat di Kolej Komuniti. *Jurnal Pembelajaran Sepanjang Hayat 2016*.
- Idris, K. (2010). *UDI 3052 Pendidikan Islam (Tasawwur Islam)*. Diakses dari <https://sites.google.com/site/khazalii/udi3052tasawwurislam>
- Jarvis, P. (2007). *Globalisation Lifelong Learning and the Learning Society, Sociological Perspectives*. London and New York: Routledge Falmer.
- Kamaruddin, N.A. & Azizan M.S. (2014). Tahap Penyertaan Belia Dalam Kursus Pendek Anjuran Kolej Komuniti. *Jurnal 2014 Pembelajaran Sepanjang Hayat Jabatan Pengajian Kolej Komuniti, Putrajaya*.
- Kayat, K., & Mohd Nor, N. A. (2006). *Penglibatan Ahli Komuniti Dalam Program Pembangunan Komuniti: Satu Kajian Ke Atas Program Homestay di Kedah*. Diakses dari Akademika 67 (Januari) 2006, 77-102.
- Laporan ePSH. (2017). Diakses dari <http://www.mohe.gov.my/portalpsn/wp-content/uploads/2017/03/Laporan-karvinal-sepanjang-hayat-2017-di-UMK-1.pdf>
- Martin, W., Jorg, M. H., & Danial, A. T. (2002). An Infrastructure for Collaborative Lifelong Learning, Proceedings of the 35th Annual Hawaii. *International Conference on System Sciences (HICSS-3502) 0-7695-1435-9/02'2002 IEEE, Hawaii*. <https://pdfs.semanticscholar.org/4b1b/ef10b0e0408ecf9245fc1a6d22ab9857fdd9.pdf>
- May, H., & Feslinger, A. (2010). *Strategic approaches to disabled student engagement York: Equality Challenge Unit and Higher Education Academy*. Diakses dari [www.heacademy.ac.uk/assets/documents/inclusion/disability/Involvement\\_StrategicApproachesFinal.pdf](http://www.heacademy.ac.uk/assets/documents/inclusion/disability/Involvement_StrategicApproachesFinal.pdf)
- Mohd Nor, A. R., Muhamad, M. R., & Jasli, M. F. (2017). Pengaruh pembelajaran Sepanjang Hayat (PSH) Dalam Kebolehpasaran Lulusan Sijil Pemasangan Elektrik Kolej Komuniti. *Journal of Life Long Learning, Vol 1*, 31-41.
- Mohd Salleh, S., Ngarian, N. A., & Mohd Noor, R. (2016). *Faedah Penyertaan Program Pembelajaran Sepanjang Hayat (PSH) Kepada Warga Emas: Kajian Terhadap Peserta University Of The Third Age (U3A) Di Kolej Komuniti Hulu Langat*. Selangor: Kolej Komuniti Kuala Langat.
- Mohd Yusof, Y., Abd Azis, S. S., & Mansor, N. (2014). Pembelajaran Sepanjang Hayat Pencetus Kemahiran Secara Holistik Dalam Membangunkan Komuniti. *Seminar Kebangsaan Pembelajaran Sepanjang Hayat 2014*. Putrajaya: Jabatan Pengajian Kolej Komuniti.
- Montesinos, I. A., Cassidy, D., & Millard, L. (2013). *Student employment and the impact on student motivations and attitude towards university*. In: Nygaard, C., Brand, S., Bartholomew, P. and Millard, L. (Eds) *Student Engagement: Identity, Motivation and Community*. Faringdon: Libri Publishing.
- Roth, W. M., & Lee, Y. J. (2006). *Contradictions in theorizing and implementing communities in education*. Educational Research Review, 27–40.
- Suprapto, T. (2009). *Pengantar Teori dan Manajemen Komunikasi*. Yogyakarta: MedPress (anggota IKAPI) 8. Diakses dari <http://bokuse.blogspot.my/2011/03/pengantar-teori-manajemen-komunikasi.html>
- Tugimin, A. J., Saadan, R., & Husain, K. (2011). Kesan Komunikasi Dalam Organisasi Ke Atas Kepuasan Kerja Staf Sokongan Di Universiti Teknikal Malaysia Melaka (UTeM). *Journal of Human Capital Development*, 57-74. Melaka: Centre for Languages and Human Development, Universiti Teknikal Malaysia Melaka.
- Williamson, M. (2013). *Guidance on the development and implementation of a Student Partnership Agreement in universities*. Diakses dari Edinburgh: Sparqs.: [www.sparqs.ac.uk/institute.php?page=128](http://www.sparqs.ac.uk/institute.php?page=128)